



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 OGOS 2025 (RABU)

Tempat duduk haiwan dalam kereta pertama di dunia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	REMAJA	22	6 Ogos

Tempat duduk haiwan dalam kereta pertama di dunia

Varia

Oleh ZURAINI MOHD. KHALID

BAGI pemilik kucing atau anjing, ia bukan sekadar haiwan peliharaan, malah dianggap sebagai sebahagian daripada keluarga mereka.

Maka, apabila menaiki kereta, keselamatan haiwan itu seharusnya diberi perhatian yang sama seperti penumpang lain.

Namun begitu, masih ramai pemilik haiwan di Malaysia tidak menyedari betapa pentingnya tempat duduk khas atau sistem keselamatan untuk kucing atau anjing di dalam kenderaan.

Kebanyakan pakar haiwan dan keselamatan jalan raya berpendapat, binatang yang dibiarakan bebas bergerak di dalam kereta boleh mengganggu pememanduan, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan.

Dalam situasi pelanggaran, haiwan yang tidak dilatih atau berada dalam tempat duduk khas berisiko cedera parah dan mencederakan penumpang lain.

Justeru, Tavo baru-baru ini telah melancarkan tempat duduk haiwan peliharaan dalam kereta pertama di dunia yang mengikut piawaian keselamatan kanak-kanak.

Menerusi produk dikenali sebagai Maeve itu, Tavo mentakrifkan semula pengalaman perjalanan bersama haiwan peliharaan di dalam kereta.

Tempat duduk itu menggabungkan inovasi keselamatan, fungsi praktikal dan rekaan bergaya untuk memberikan ketenangan fikiran setiap kali berada di jalan raya bersama haiwan kesayangan.

Penggarah Pemasaran Tavo, Helen Johnson berkata, perlindungan haiwan peliharaan menjadi aspek utama dalam penjagaan binatang peliharaan.

"Perlindungan haiwan peliharaan menjadi sebab utama Maeve menjadi produk penting buat para pemilik binatang."

"Ia bukan sahaja melindungi haiwan kesayangan, malah membantu mengurangkan gangguan kepada pemandu, mengekalkan kebersihan dalam



MAEVE dapat mengurangkan gangguan haiwan ketika pemanduan.



MAEVE dilengkapi pelbagai ciri-ciri keselamatan.

SETIAP pemilik haiwan peliharaan harus memiliki Maeve untuk keselamatan kucing atau anjing mereka.

kenderaan serta mencipta suasana perjalanan lebih tenang," katanya.

Maeve telah menjalani ujian pelanggaran dinamik; ia juga dilengkapi dengan *Expanded Polypropylene* yang ringan, namun kukuh untuk menyeraf hentakan dan mengurangkan impak terhadap haiwan.

Tempat duduk itu juga diperkuatkan dengan pelindung khas *memory foam* Tailor Tech yang menawarkan perlindungan tambahan terhadap hentakan sisi (*side impact protection*) apabila dipasang

pada rangka pembawa.

Ciri itu bukan sahaja melindungi haiwan peliharaan, malah membantu mengurangkan risiko kepada penumpang lain di dalam kenderaan sekiranya berlaku brik meugeut atau pelanggaran.

Selain itu, sistem tersebut juga direka dengan tali penyambung dan *smart harness* yang amat selesa dipakai pada haiwan peliharaan.

Ia berfungsi untuk mengelakkan haiwan peliharaan daripada terlepas tanpa sengaja, sekali gus menjadikan perjalanan lebih selamat dan memberi ketenangan kepada pemandu.

Sementara itu, pakar veterinar, Dr. Salehatul Khuzaimah M. Ali berkata, ramai pemilik haiwan sering terlepas pandang tentang pemakaian tali pinggang keledar ketika di dalam kenderaan.

"Kita sudah biasa dengan pemakaian tali pinggang keledar untuk orang dewasa dan kerusi keselamatan untuk kanak-kanak.

"Bagaimanapun, kita sering kali terlepas pandang dengan haiwan kerana ia juga memerlukan perlindungan yang sama."

"Justeru, produk seperti ini dapat memudahkan pemilik haiwan memastikan perjalanan lebih selamat dan bertanggungjawab buat semua yang berada di dalam kereta," katanya.



Masalah lalat Ayer Kuning berpunca baja tahi ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	6 Ogos

Masalah lalat Ayer Kuning berpunca baja tahi ayam

TAPAH – Masalah lalat di sekitar Ayer Kuning di sini didakwa berpunca daripada penggunaan tinja ayam atau baja tahi ayam yang tidak dirawat terlebih dahulu dengan piawaian ditetapkan sebelum digunakan secara meluas di ladang-ladang kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain.

Menurut Pengurus Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A. Sivanesan, tinja ayam itu digunakan secara meluas untuk pertanian kerana harinya yang murah berbanding baja organik yang telah diproses.

"Beg-beg mengandungi tinja itu akan dipotong sebelum ditinggalkan di pokok-pokok kelapa sawit. Apabila hujan, air masuk ke longkang-longkang menyebabkan wujudnya lalat.



"Saya telah arahkan majlis (Majlis Daerah Tapah) dan Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang untuk memeriksa ladang-ladang tersebut sebelum mengambil tindakan susulan termasuk dikenakan kompaun," katanya.

Beliau berkata demikian pada pemberita semasa mengadakan lawatan di sebuah ladang khinzir fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran iaitu French

Malaysian Livestock Industrial Sdn. Bhd. di Ayer Kuning di sini semalam.

Katanya, penternakan ayam kecil-kecilan secara terbuka turut mengundang masalah lalat itu berlaku dan pihaknya sedang memikirkan mekanisme termasuk penggubalan undang-undang kecil sedia ada bagi membendung masalah itu secara serius.

Berhubung pembinaan hospital baharu di Kampar, Sivanesan berkata, isu itu perlu mengambil sedikit masa untuk diselesaikan kerana terdapat isu berkaitan pampasan dan pemilikan tanah yang masih belum muktamad.

"Saya fikir dulu (isu tanah) dan selesai tetapi belum. Saya dah bawa kepada pengetahuan menteri berkenaan di Putrajaya," ujarnya.



SIVANESAN (kiri) melawat sebuah ladang khinzir fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran di Ayer Kuning, Tapah semalam.

Harga telur masih terkawal, bekalan mencukupi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	National	15	6 Ogos

Subsidi telur ditamatkan

Harga telur masih terkawal, bekalan mencukupi

Johor Bahru: Walaupun subsidi telur ditamatkan kerajaan bermula 1 Ogos lalu, tinjauan di beberapa kedai makan dan warung sekitar bandar raya ini mendapati harga telur ayam masih kekal pada paras yang dianggap mampu milik oleh kebanyakan peniaga makanan.

Rata-rata mereka berharap harga bahan mentah itu tidak mengalami kenaikan mendadak selepas subsidi ditamatkan.

Peniaga makanan, Irfan Diazam Yusof, 44, berkata dia menggunakan 10 papan telur ayam gred B dalam tempoh seminggu untuk berniaga nasi lemak dan buah goreng.

Katanya, minggu lalu harga telur ayam gred sama dibeli dengan harga RM12 sepapan.

"Telur antara bahan utama saya gunakan setiap hari dalam menu nasi lemak. Biasanya saya beli secara mingguan dengan kuantiti 10 papan.

"Setakat ini, bekalan telur mudah dicari, harga pun tak banyak berubah. Kalau tidak silap, dua bulan lalu pernah harga telur gred B RM10.80 sepapan. Tapi minggu lalu berharga RM12.

"Kami peniaga berharap sangat harga telur tak naik. Kalau ada kenaikan, mungkin saya kenakan kurangkan kuantiti dulu, ambil separuh (telur ayam) berba-



Irfan Diazam ketika ditemui di gerainya di Flat Tasek Pandan, Johor Bahru.
(Foto Omar Ahmad/BH)

ding biasa. Tapi setakat ini, masih sama, semua gred mudah dicari," katanya ditemui di premis berniaga di Flat Tasek Pandan di sini, semalam.

Tak sedar subsidi tamat

Peniaga, Khatijah Ali, 45 berkata dia tidak menyedari subsidi telur ayam ditamatkan pada 1 Ogos lalu kerana harga bahan mentah itu masih mampu dibeli.

Katanya, harga sepapan telur ayam gred B sekitar RM10.90 hingga RM12 masih munasabah walaupun tanpa subsidi, asalkan kualitinya kekal baik dan beka-

lan mudah dicari.

"Kita pernah berdepan krisis 'kehilangan' telur ayam tiga tahun lalu. Ketika itu harga sepapan telur ayam mencecah RM18, memang menyusahkan isi rumah dan peniaga tersebut de-nungan kos.

"Saya beli telur ayam setiap hari sekitar tujuh papan untuk kegunaan bahan masakan dan roti canai.

"Kami berharap tiada lonjakan harga mendadak pada masa terdekat, demi memastikan kelangsungan perniagaan dan harga makanan kekal berpatutan un-



Peniaga roti canai memerlukan sehingga tujuh papan telur ayam sebagai bahan masakan.

tuk pelanggan.

"Kalau harga telur ayam lebih daripada RM12 mungkin susah sikit. Tapi setakat ini harga masih mampu dibeli.

"Harga ayam mentah juga semakin stabil bila pun subsidi ditamatkan, ketika ini harga ayam masih bawah RM9 sekilogram (kg)," katanya.

Beliau mencadangkan peman-tauan harga bahan mentah lain turut diberi perhatian, meman-dangkan harga seperti halia dan cili kering kerap berubah.

"Halia minggu lalu cecah RM17 sekilo, minggu ini sudah turun

RM8, serai pun lebih kurang sa-ma," katanya.

Pada 30 April lalu, kerajaan memutuskan untuk menamatkan sepenuhnya pemberian sub-sidi bagi telur ayam bermula 1 Ogos tahun ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan dilapor memak-lumkan, keputusan ini dibuat se-telah mengambil kira komitmen pi-hak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam ke-kal mencukupi dan terjamin, be-rikutan kos pengeluaran yang te-la-h stabil.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR